

Tinjauan: 7 dalam 10 siswazah NTU dapat kerja sebelum tamat pengajian

WALAU terdapat keprihatinan tentang pasaran buruh yang suram di tengah ketidakpastian ekonomi, kira-kira tujuh dalam 10 pelajar Universiti Teknologi Nanyang (NTU) pada 2019 mendapat pekerjaan sebelum tamat pengajian.

Demikian menurut satu tinjauan awal ke atas lebih 5,000 siswazah.

Ini serupa dengan apa yang dialami oleh siswazah pada tahun-tahun sebelumnya, menurut laporan *The Straits Times*.

Lebih daripada tujuh dalam 10 mendapat pekerjaan sebelum tamat pengajian, menurut tinjauan 2018 oleh universiti itu, manakala dua dalam setiap tiga mendapat pekerjaan sebelum meraih ijazah mereka pada 2017.

Pada 2016, angka itu hampir tujuh dalam setiap 10 pelajar.

Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) tidak melakukan tinjauan ke atas siswazah dan pekerjaan pelajar mereka, tetapi menyumbang kepada tinjauan tahunan bersama mengenai siswazah oleh enam universiti autonomi di sini.

Semalam, 272 siswazah NTU daripada kohort lebih 9,000 menerima ijazah mereka dalam majlis konvokesyen pertama universiti bagi 2019.

Lagi 19 upacara akan diadakan hingga Rabu depan, dengan 6,097 pelajar akan menerima ijazah sarjana muda dan 3,356 menerima ijazah lebih tinggi.

Sebahagian siswazah yang mendapat pekerjaan sebelum tamat pengajian memilih melanjutkan penajiran mereka.

Dalam majlis konvokesyen itu,



KONVOKESYEN PERTAMA NTU TAHUN INI: Semalam, seramai 272 siswazah Universiti Teknologi Nanyang (NTU) daripada kohort lebih 9,000 menerima ijazah mereka dalam majlis konvokesyen pertama universiti bagi 2019. - Foto BH oleh JASON QUAH

Presiden Halimah Yacob, yang merupakan canselor NTU, menyampaikan anugerah doktor kehormatan kepada Cik Margaret Lien, 77 tahun, dan Sir Keith O'Nions, 74 tahun, sebagai penghargaan atas sumbangan mereka kepada NTU dan masyarakat Singapura.

Lebih 33,000 pelajar NTU telah mendapat manfaat dengan mengikuti kursus di Pusat Kejayanan Profesional Margaret Lien di NTU, yang ditubuhkan pada 2013 bagi menyediakan pelajar dalam kehidupan profesional dengan membangunkan nilai-nilai moral yang baik dan kemahiran peribadi.

Semasa Cik Margaret Lien duduk dalam lembaga Yayasan Lien sehingga beliau bersara pada 2009 dan menjadi Gabenor Emeritus, beliau juga menyelia banyak projek dengan NTU.

Ini termasuk Usaha Sekitaran Yayasan Lien-NTU yang bertujuan memperbaiki keadaan hidup masyarakat sedang membangun Asia menerusi kerja pembangunan berasaskan teknologi.

Sir Keith pula merupakan pemain utama dalam mewujudkan perkongsian antara NTU dengan Imperial College London (ICL) dengan membentuk Sekolah Perubahan Lee Kong Chian ketika beliau menjawat jawatan presiden dan rektor ICL.

Kumpulan doktor pertama Sekolah perubahan itu menamatkan pengajian pada 2018 dengan ijazah Sarjana Muda Perubahan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBBS). Mereka diberi anugerah bersama oleh NTU Singapura dan Imperial.